

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

4. Tempoh pajakan tanah Kerajaan (TOL) kepada petani sangat pendek.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi pajakan selama 5+5 tahun supaya petani boleh membuat perancangan untuk menaik taraf projek pertanian dengan menggunakan kaedah teknologi moden?
 - (b) Nyatakan prosedur dan SOP yang diguna pakai untuk memohon tanah TOL tersebut.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. (a) Berkenaan perkara ini, pertimbangan tempoh Lesen Pendudukan Sementara (LPS) adalah di bawah bidang kuasa Pentadbir Tanah Negeri. Pihak Jabatan Pertanian Negeri memberi ulasan teknikal berkenaan kesesuaian tapak dan aspek teknikal yang berkaitan tanaman sebagai contoh jenis tanaman. Umumnya, terdapat tiga (3) kategori tanaman dalam sub-sektor tanaman iaitu:
 - (i) Tanaman jangka pendek – tanaman berbentuk kecil dan bermusim, di mana pusingan penanamannya tidak melebihi masa satu tahun. Contoh tanaman ini ialah sayur-sayuran, bunga-bungaan, ubi dan jagung.
 - (ii) Tanaman jangka sederhana – tanaman sederhana besar dan pusingan penanamannya adalah antara 2

hingga 15 tahun. Contoh jenis tanaman betik, pisang, limau dan koko.

- (iii) Tanaman jangka panjang – tanaman besar dan pusingan penanamannya melebihi 15 tahun. Contoh jenis tanaman ini ialah getah, kelapa sawit, durian dan dokong.

Untuk permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS), pihak Jabatan ini mengesyorkan jenis tanaman jangka pendek /singkat masa, terdapat juga tanaman jangka sederhana seperti betik dan pisang yang sesuai ditanam di tanah-tanah LPS. Berkenaan kaedah penanaman, pemohon LPS mempunyai pilihan sama ada menggunakan kaedah konvesional atau teknologi moden seperti fertigasi, *nutrient film technique* (NFT) dan sebagainya, namun demikian, penggunaan teknologi moden memerlukan kos permulaan yang tinggi.

- (b) Untuk makluman, terdapat sepuluh (10) peringkat yang terdapat dalam Proses Kerja Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS). Peranan pihak Jabatan Pertanian Negeri adalah pada peringkat kedua iaitu merujuk untuk ulasan jabatan teknikal. Jabatan Pertanian Negeri akan menjalankan siasatan di tapak dan menyediakan laporan teknikal kepada Pejabat Daerah dan Tanah dalam tempoh 14 hari bekerja. Ulasan teknikal tersebut mengambil kira aspek pertanian, kesesuaian tanah dan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang.

Pada masa kini, tanah TOL diberikan oleh Kerajaan Negeri berdasarkan Seksyen 63, Kanun Tanah Negara, 1965 dengan tempoh kelulusan selama setahun. Di negeri Pulau Pinang, apabila kelulusan TOL diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada tahun pertama, terdapat penurunan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk memperbaharui lesen TOL bagi tempoh 3 tahun berikutnya (1+3 tahun). Kelulusan pembaharuan lesen TOL ini tertakluk kepada permohonan memperbaharui yang dilakukan oleh pemohon dan juga tiada langgar syarat yang berlaku. Kerajaan Negeri juga tidak bercadang untuk memberi pajakan selama 5+5 tahun kepada para petani.

Prosedur dan SOP untuk memohon tanah TOL adalah seperti berikut:

- (i) Pemohon perlu memohon untuk tanah TOL yang hendak digunakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di mana lokasi tanah tersebut berada dan membayar *fee permohonan*.
- (ii) PDT akan menyediakan laporan tanah bagi memastikan tanah tersebut adalah tanah kerajaan dan menyediakan suatu kertas pertimbangan yang juga mengandungi ulasan teknikal daripada jabatan-jabatan teknikal dan juga ulasan daripada ADUN kawasan.
- (iii) Pentadbir Tanah akan menghantar kertas pertimbangan tersebut ke PTG dan membentangkannya di Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (MJKTN).
- (iv) Setelah dibentangkan di MJKTN, PTG seterusnya akan mengangkat kertas permohonan tersebut ke Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri untuk pertimbangan.
- (v) Setelah mendapat keratan minit MMK, surat keputusan akan dihantar ke PDT dan pemohon akan menerima keputusan daripada pihak PDT.